



Semua Ahli Dewan Undangan Negeri,  
Pegawai-pegawai Daerah.

## **SURAT PEKELILING KEWANGAN NEGERI BIL. 8 TAHUN 2007**

### ***PANDUAN PENGURUSAN SKIM BANTUAN SEGERA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BAGI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI***

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memberi panduan berkaitan Pengurusan Skim Bantuan Segera Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Kawasan Dewan Undangan Negeri.

#### **LATAR BELAKANG**

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 6 Jun 2007 dan 4 Julai 2007 telah bersetuju supaya satu skim bantuan segera disediakan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri di Negeri Pulau Pinang. Agihan peruntukan bantuan ini akan disalurkan kepada setiap Y.B. Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) oleh Jabatan Kewangan Negeri melalui Pejabat Daerah dalam bentuk geran tahunan. Peruntukan ini adalah merupakan peruntukan khas bagi maksud pemberian bantuan segera kepada golongan masyarakat yang memerlukan.

2.2 Panduan Pengurusan Skim Bantuan Segera Kerajaan Negeri bagi kawasan Dewan Undangan Negeri hendaklah berpandukan kepada borang seperti di **Lampiran A**.

2.3 Sejumlah RM20,000 setahun mulai tahun 2007 diperuntukkan bagi setiap kawasan Dewan Undangan Negeri bagi maksud tersebut.

### **SKIM BANTUAN**

3. Skim bantuan yang diperuntukkan adalah meliputi jenis bantuan seperti berikut :

- i. Pesakit kronik (seperti barah, buah pinggang, jantung dan lain-lain penyakit);
- ii. Kemalangan;
- iii. Kematian; dan
- iv. Sara hidup sementara menerima bantuan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Kadar bantuan yang boleh dipertimbangkan di bawah skim bantuan ini adalah tertakluk kepada had maksimum sesuatu jenis bantuan seperti berikut :

<b>Bil.</b>	<b>Jenis Bantuan</b>	<b>Kadar Maksimum (RM)</b>
i.	Pesakit kronik	300.00
ii.	Kemalangan	200.00
iii.	Kematian	200.00
iv.	Sara hidup sementara mendapat bantuan JKM	500.00

3.1 Pemohon yang layak dipertimbangkan untuk skim bantuan ini hendaklah menepati syarat-syarat berikut :

- i. Warganegara Malaysia dan bermastautin di Pulau Pinang;
- ii. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,000.00 sebulan; dan
- iii. Golongan yang berkeperluan dan tidak berkemampuan.

3.2. Semua permohonan perlu didaftar dan diperakukan oleh Y.B. ADUN di kawasan yang berkenaan dan disahkan oleh Pejabat Daerah dengan menggunakan borang seperti di **Lampiran A**. Bagi permohonan yang diluluskan bantuan, bayaran bantuan segera akan dibuat oleh Y.B. ADUN dalam bentuk tunai dengan disokong oleh perakuan penerimaan bantuan dalam Borang Akuan Penerimaan Bantuan seperti di **Lampiran B**.

3.3. Setiap Y.B. ADUN perlu mengemukakan laporan kemajuan perbelanjaan skim bantuan ini kepada Pegawai Daerah setiap suku tahun (tiga bulan) dengan menggunakan borang di **Lampiran C** dan menyertakan bersekali borang-borang perakuan penerimaan bantuan bagi setiap permohonan yang diluluskan.

3.4. Pegawai Daerah bertanggungjawab menyediakan laporan prestasi perbelanjaan bagi peringkat daerah setiap 3 bulan dan dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dan salinan kepada Y.B. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, merangkap Pengurus Jawatankuasa Kesihatan/Kebajikan dan Masyarakat Penyayang mengikut format seperti di **Lampiran C**.

3.5. Proses kerja menguruskan bantuan, pelaporan dan carta aliran urusan tersebut adalah seperti di **Lampiran D**.

3.6. Pelaksanaan Skim Bantuan Segera Kerajaan Negeri adalah merupakan salah satu kaedah bagi mempercepatkan proses penyampaian bantuan kewangan kepada golongan sasar yang memerlukan. Usaha ini penting bagi mempertingkatkan mutu perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat yang memerlukan, serta mengurangkan karenah birokrasi dalam perkhidmatan awam.

### **TARIKH KUATKUASA**

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai daripada **1 Mei 2007** dan peruntukan RM20,000 setahun ini bolehlah digunakan sepenuhnya bagi tahun semasa sahaja dan tidak dibenarkan di bawa ke tahun berikutnya.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menurut perintah,

**( DATO' SUPIAH BT. MD. YUSOF )**

Pegawai Kewangan Negeri  
Pulau Pinang

Tarikh : Julai 2007

s.k : Y.A.B. Tan Sri Ketua Menteri  
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Seri Timbalan Ketua Menteri,  
Pulau Pinang.

Y.B. Dato' Setiausaha Kerajaan,  
Pulau Pinang.

Y.B. Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan dan  
Masyarakat Penyayang,  
Tingkat 53, KOMTAR,  
10503 Pulau Pinang.

e.d : Bendahari Negeri  
Pulau Pinang